



**IKLAN JAWATAN KEKOSONGAN
PENDIDIK TASKA GENIUS PERPADUAN (KONTRAK) GRED S29
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA)**

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat
(Pendidik Taska Genius Perpaduan) S29 (Kontrak)
- 1.2 Gred Jawatan : S29
- 1.3 Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- 1.4 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
Wilayah Persekutuan Labuan
- 1.6 Bilangan Kekosongan : Satu (1)
- 1.7 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
Wilayah Persekutuan Labuan

**2. JADUAL GAJI : Jadual Gaji Minimum Maksimum
RM1,493.00 – RM5,672.00**

- 3. ELAUN** :
- | | |
|-----------------------------------|-----------|
| Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) | RM 300.00 |
| Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) | RM 160.00 |
| Bayaran Insentif Wilayah (BIW) | RM 261.27 |

4. SYARAT LANTIKAN

- 4.1 Warganegara Malaysia.
- 4.2 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.3 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Diploma dalam Bidang berkaitan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAKK) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan: RM1,770.95);
- 4.4 Memperolehi sekurang-kurangnya “Kepujian” (gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 4.5 Keutamaan adalah bagi pemohon yang berasal atau bermastautin di W.P. Labuan

5. DESKRIPSI TUGAS:

- 5.1 Bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran TASKA.
- 5.2 Menyediakan rancangan pengajaran.
- 5.3 Memberi perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak.
- 5.4 Memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga dan terkawal.
- 5.5 Merancang dan melaksanakan aktiviti yang mampu memupuk budaya pembelajaran kearah pembentukan kanak-kanak yang berdikari, berdaya kreatif, berkeyakinan, bersemangat dan berjaya.
- 5.6 Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.

6. CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Labuan atau layari laman sesawang:
<https://www.ipnin.gov.my/pdf/Borang/Borang%20Permohonan%20Jawatan%20Kontrak%20Di%20JPNIN.pdf>
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Lantikan Dan Kenaikan Pangkat 2005.
- 6.3 Borang Permohonan lengkap hendaklah disertakan **gambar terkini (berukuran passport), salinan Kad Pengenalan, salinan sijil kelahiran, salinan kelulusan akademik, resume, salinan sijil berhenti sekolah, salinan Lesen Memandu dan Sijil Lengkap Vaksinasi Covid-19 sebagai dokumen tambahan serta dokumen sokongan yang berkaitan yang telah DIPERAKUISAH oleh (Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan 'A' atau gred 41 ke atas).**

Borang permohonan perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
NO. 4A-1, TINGKAT 4, BLOK 4,
KOMPLEKS UJANA KEWANGAN
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.**

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 Mei 2023 (Isnin)

8. PANGGILAN TEMUDUGA

- 8.1 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.

8.2 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

9. PERTANYAAN

9.1 Sebarang pertanyaan boleh diajukan di talian 087-413 366 atau emel ke ppnlabuan@perpaduan.gov.my

Tarikh: **15 Mei 2023**